

Dasar Kerajaan Terhadap Pembangunan Ekonomi Orang Melayu di Kuala Lumpur 1957-1974

Government Policy on the Economic Development of Malays In Kuala Lumpur 1957-1974

Muhammd Irfan bin Izhar^{1,2} & Zubaidah V.P Hamzah¹

¹Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

²Interdisciplinary Research and International Strategy Institute (IRIS Institute)

^①Corresponding author: irfan@iris.institute

ABSTRAK

Artikel ini membincangkan tema pembangunan ekonomi orang Melayu di Kuala Lumpur selepas kemerdekaan Tanah Melayu. Perkembangan ekonomi orang Melayu di Kuala Lumpur pada tahun 1957 hingga 1974 dipengaruhi oleh dasar-dasar pembangunan ekonomi kerajaan dan peranan Majlis Perbandaran Kuala Lumpur (MPKL) yang memberi kesan langsung kepada ekonomi Melayu. Pembangunan ekonomi orang Melayu terbahagi kepada dua fasa yang memperlihatkan perbezaan yang ketara, iaitu sebelum dan selepas Dasar Ekonomi Baru (DEB). Perbezaan dilihat dari segi pelaksanaan dan perubahan dasar kerajaan pusat serta peranan MPKL dalam menangani permasalahan ekonomi orang Melayu di Kuala Lumpur. Selain itu, antara masalah ekonomi utama yang dikenal pasti adalah kekurangan ruang dan peluang ekonomi untuk orang Melayu yang terhad di Kuala Lumpur dan bandar-bandar sekitarnya. Kongres Ekonomi Bumiputera 1965 dan Seminar Ekonomi Bumiputera 1973 adalah titik perubahan yang signifikan kepada peranan kerajaan dalam mengurangkan permasalahan ekonomi serta memperbaiki dasarnya untuk menggalakkan penyertaan orang Melayu dalam bidang perdagangan dan perusahaan dengan kerjasama agensi lain. Kedua-dua resolusi tersebut berjaya menggerakkan usaha untuk menambah ruang dan peluang ekonomi orang Melayu melalui penyediaan infrastruktur, khidmat latihan, bantuan pinjaman modal, dan pasaran bagi perniagaan dan perusahaan Melayu di Kuala Lumpur. Dapatan kajian ini boleh menjadi rujukan dan panduan kepada para pengkaji lain untuk mendalami pengkajian sejarah ekonomi dan hubungannya dengan aspek sosial orang Melayu.

KATA KUNCI

Pembangunan ekonomi, orang Melayu, Kuala Lumpur, dasar

Received: July 24, 2023

Accepted: Sept 6, 2023

Published: Oct 31, 2023

ABSTRACT

This article discusses the theme of Malay economic development in Kuala Lumpur after the independence of Malaya. The economic development of Malays in Kuala Lumpur from 1957 to 1974 was influenced by government economic policies and the role of Kuala Lumpur Municipal Council (MPKL), which had a direct impact on Malay economic development. The economic development of Malays can be divided into two distinct phases, before and after the New Economic Policy (NEP). Differences can be observed in terms of the implementation and changes in central government policies and the response of MPKL in addressing the economic issues of Malays in Kuala Lumpur. In addition, one of the major economic problems identified was the lack of space and economic opportunities for Malay in Kuala Lumpur and surrounding cities. The Bumiputera Economic Congress of 1965 and the Bumiputera Economic Seminar of 1973 were significant turning points in the government's role in reducing economic issues and improving its policies to encourage Malay participation in trade and business through collaboration with other agencies. Both resolutions successfully spurred efforts to expand economic opportunities for Malays through the provision of infrastructure, training services, capital loans, and markets for Malay businesses and enterprises in Kuala Lumpur. The findings of this study can be a reference and guidance for other researchers to deepen the study of economic history and its relationship with the social aspects of the Malays.

KEYWORDS

Economic development, Malay, Kuala Lumpur, policy

1.0 Pendahuluan

Pembangunan ekonomi orang Melayu di Kuala Lumpur dipengaruhi oleh perubahan dasar-dasar pembangunan kerajaan di peringkat pusat. Selepas Tanah Melayu merdeka, dasar pembangunan ekonomi terhadap orang Melayu pada peringkat awal menumpukan kepada pembangunan luar bandar dalam membasmi kemiskinan dengan menubuhkan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dan Majlis Amanah Rakyat (MARA). Pada masa yang sama, penghijrahan orang Melayu ke bandar-bandar meningkat sejak tahun 1957 menunjukkan usaha mereka dalam mengubah taraf ekonomi yang sudah ketinggalan jauh berbanding dengan bangsa-bangsa lain di Tanah Melayu.

Bandar Kuala Lumpur yang dibangunkan penjajah British sebagai pusat ekonomi memberi kelebihan kepada bangsa-bangsa bukan Melayu menguasai hampir keseluruhan ekonomi bandar. Dasar British yang meminggirkan orang Melayu di Kuala Lumpur dengan memberikan ruang terhad dalam penglibatan ekonomi mendatangkan kesan buruk berpanjangan terhadap sosioekonomi. Selepas merdeka, jurang ekonomi antara orang Melayu dengan orang bukan Melayu sangat besar dari segi purata pendapatan dan pemilikan perniagaan di bandar. Tambahan pula, kekurangan penyediaan infrastruktur ekonomi dan ilmu perniagaan menjadi cabaran besar kepada orang Melayu di Kuala Lumpur untuk mengejar kedudukan ekonomi rang bukan Melayu. Bagi mengatasi masalah tersebut, persatuan-persatuan Melayu telah mengadakan Kongres Ekonomi Bumiputera 1965 yang membawa usul cabaran dan langkah penyelesaian kepada pembangunan ekonomi orang Melayu.

Ketidakeimbangan dasar pembangunan ekonomi tidak menyelesaikan isu jurang kekuatan ekonomi antara orang Melayu dengan bukan Melayu yang besar di bandar menyebabkan berlakunya peristiwa 13 Mei 1969 di Kuala Lumpur. Peristiwa tersebut memberi kesan kepada dasar pembangunan ekonomi sehingga Dasar Ekonomi Baru (DEB) diperkenalkan pada tahun 1970. DEB merupakan dasar perintis kepada pertumbuhan ekonomi orang Melayu yang memberi kesan kepada perubahan status sosioekonomi orang Melayu di Kuala Lumpur.

Kajian ini dilakukan bagi menjelaskan sejarah perkembangan ekonomi orang Melayu di Kuala Lumpur dalam tempoh tahun 1957 hingga 1974 kerana masih kurang penelitian yang terperinci oleh para

pengkaji sejarah mahupun sarjana dalam disiplin ilmu lain. Oleh itu, kajian ini meneruskan kajian-kajian terdahulu yang lebih tertumpu kepada fasa sebelum kemerdekaan dan perbincangan secara umum berkenaan ekonomi orang Melayu dan dasar-dasar kerajaan terhadapnya dengan mendedahkan sejarah ekonomi orang Melayu di Kuala Lumpur selepas kemerdekaan khususnya dari tahun 1957 hingga tahun 1974. Hasil kajian ini boleh menjadi rujukan dan panduan kepada para pengkaji lain untuk mendalami pengkajian sejarah ekonomi dan hubungannya dengan aspek sosial orang Melayu.

2.0 Permasalahan Ekonomi Orang Melayu di Kuala Lumpur

2.1 Ketidakseimbangan Hak Pemilikan Perniagaan

Sebelum pelaksanaan DEB, permasalahan orang Melayu di Kuala Lumpur berkait dengan aspek ketidakseimbangan dari segi guna tenaga dan pemilikan perniagaan. Menurut J.H. Beaglehole (1969), salah satu asas kepada ketidakseimbangan ekonomi berlaku adalah di mana orang Melayu terus bergantung kepada sektor pertanian dan ekonomi luar bandar, sementara sektor perindustrian dan perdagangan didominasi oleh modal dan kemahiran orang bukan Melayu dan orang. Bagi kes di kawasan bandar Kuala Lumpur, permasalahan ini difokuskan kepada masalah ketidakseimbangan hak pemilikan perniagaan kerana kekurangan keterlibatan orang Melayu dalam sektor perniagaan dan perusahaan di Kuala Lumpur seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.1 dan Jadual 2.2.

**Jadual 2.1: Pemilikan Perniagaan Premis Bukan Makanan Mengikut Partisipasi Kaum
1957 – 1959**

Kaum / Bangsa	1957	1958	1959	Jumlah
Melayu	4	2	1	7
Cina	-	309	248	557
India	-	107	183	290
Jumlah	4	418	432	854

Sumber: 1) Pesuruhjaya Ibu Kota Kuala Lumpur, *Annual Report 1958 - 59*.

2) K. L. M. 358/57. Allocation of Shop Stalls – Kampong Dato' Keramat

**Jadual 2.2: Unit Perniagaan dan Perusahaan di Kuala Lumpur Mengikut Partisipasi Kaum
1958 - 1963**

Kaum / Bangsa	1957	1958 ¹	1959	1960	1961	1962	1963	Jumlah
Melayu	31	21	13	-	13	11	12	101
Cina	-	2073	2125	-	1777	1614	1550	9139
India	-	855	928	-	788	797	828	4196
Jumlah	31	2 949	3 066	2 700	2 578	2 422	2 390	13 436²

Sumber: 1) Pesuruhjaya Ibu Kota Kuala Lumpur, *Annual Report 1958 – 1963*.

2) K. L. M. 358/57. Allocation of Shop Stalls – Kampong Dato' Keramat.

Perkara ini berlaku kerana orang Melayu berhadapan dengan kekurangan modal, pengalaman, dan latihan serta ruang di kawasan strategik dalam kawasan pusat perniagaan di Kuala Lumpur. Hal ini kerana, orang Cina telah menduduki dan bertapak kukuh dalam perniagaan bandar di mana mereka sudah berada di pusat-pusat perniagaan di bandar seperti di Jalan Petaling, Jalan Chow Kit, Central Market, dan lain-lain. Selain itu, kebanyakan orang Melayu cenderung terlibat dalam perniagaan berskala kecil, iaitu penjualan makanan berbanding dengan bukan makanan kerana tidak memerlukan modal yang besar melebihi \$10,000 seperti kaum-kaum lain dan lebih mudah dikendalikan. Perkara ini disedari dalam Kongres Ekonomi Bumiputera 1965 di mana orang Melayu sedar pada ketika itu bahawa mereka tidak dapat bersaing dalam lapangan perniagaan bercorak kapitalis. Hal ini telah merisaukan kebanyakan orang Melayu, terutamanya yang berada di bandar dan sedang menghadapi persaingan ekonomi yang sangat sengit dengan kaum bukan Melayu, terutamanya kaum Cina.

¹ Jumlah ini ditambah antara kategori makanan, iaitu 19 orang Melayu, 1764 orang Cina, 748 orang India dengan bukan makanan, iaitu 2 orang Melayu, 309 orang Cina, 107 orang India.

² Jumlah ini tidak termasuk dengan jumlah pada tahun 1960.

2.2 Kekurangan Akses kepada Kemudahan Infrastruktur

Di Kuala Lumpur, orang Melayu turut mengalami kesukaran untuk mendapatkan tapak perniagaan komersial di kawasan yang strategik. Perkara ini pernah berlaku sejak tahun 1957 lagi dimana terdapat situasi dimana pemborong Melayu tidak mendapat tempat untuk memasarkan barangannya dan kelewatan pihak Majlis Perbandaran Kuala Lumpur (MPKL) dalam menguruskan isu ini seperti yang berlaku kepada *The Malay Livestock Syndicate* yang mengalami kesukaran dalam memasarkan produknya di Kuala Lumpur (Kementerian Perdagangan dan Perusahaan, 1957).

Selain itu, ketidakseimbangan hak penggunaan tapak yang disediakan khusus untuk orang Melayu berlaku kerana dominasi kaum Cina yang menggunakan tapak tersebut seperti yang berlaku di tapak perniagaan Jalan Petaling (Muhammad Irfan bin Izhah, 2019). Tambahan pula, penyediaan tapak dan kawasan perniagaan yang disediakan khusus kepada orang Melayu agak terpencil dan memiliki ruang yang sempit serta ditambah dengan kadar sewa tempat yang terlalu mahal sekitar RM400 sebulan pada ketika itu di kawasan hotspot yang membebankan peniaga-peniaga kecil Melayu untuk menyewanya sehingga menimbulkan kes lewat membayar sewa bulanan kepada pihak MPKL (Muhammad Irfan bin Izhah, 2019).

Selain tapak perniagaan, peniaga-peniaga Melayu turut mengalami masalah dari segi mendapatkan keperluan utiliti yang baik seperti bekalan elektrik. Dalam laporan MPKL menyatakan bahawa kawasan peniaga-peniaga Melayu berada dalam keadaan daif dan serba kekurangan terutamanya di kawasan perkampungan Melayu dalam Kuala Lumpur (K.L.M. 358/57, n.d).

2.3 Kekurangan Modal, Pengalaman dan Latihan

Faktor kelemahan orang Melayu untuk bersaing dengan kaum-kaum lain dalam ekonomi di Kuala Lumpur adalah kekurangan modal, pengalaman dan latihan. Kebanyakan aktiviti ekonomi orang Melayu ketika itu adalah dalam skala kecil yang modalnya kurang dari \$10,000. Orang Melayu juga kurang berpengalaman dalam mengendalikan perniagaan bukan berasaskan makanan. Dalam Seminar Ekonomi Bumiputera 1973 menyatakan bahawa masih ramai usahawan Melayu yang belum mahir dalam pengurusan perniagaan secara profesional dan cara pemasaran. Tambahan pula, masih ramai peniaga Melayu tidak mendapatkan kursus profesional dan usaha mewujudkan sistem latihan kursus yang efektif masih dalam perbincangan.

3.0 Dasar-dasar Terhadap Pembangunan Ekonomi Melayu

3.1 Pembinaan & Penambahbaikan Infrastruktur

Dalam merealisasikan hasrat untuk menggalakkan lebih banyak penyertaan orang Melayu dalam perniagaan dan perusahaan, kerajaan Persekutuan telah memberi peruntukan kepada MPKL untuk membina kemudahan infrastruktur ekonomi seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.1. Tambahan pula, peranan agensi kerajaan seperti Lembaga Pembangunan Bandar (UDA) banyak memainkan peranan penting selepas DEB diperkenalkan dalam membangunkan kemudahan infrastruktur perniagaan dan perdagangan di Kuala Lumpur dalam skala besar seperti membina kompleks beli belah, ruangan pejabat dan lot-lot kedai yang baharu.

Jadual 3.1: Jumlah Peruntukan Pinjaman Kerajaan Persekutuan kepada MPKL

RM1 (1956-1960)		RM2 (1960-1965)		RMK1 (1965-1969)	
1956	-	1961	\$2 860 000.00	1966	\$2 738 653.69
1957	\$2 522 000.00	1962	\$1 483 645.21	1967	\$2 799 756.23
1958	\$2 861 000.00	1963	\$1 917 641.55	1968	\$3 494 051.00
1959	\$2 861 000.00	1964	\$2 234 509.57	1969	\$5 274 265.00
1960	\$1 353 123.70	1965	\$2 566 802.79	1970	-
Jumlah	\$9 627 123.70	Jumlah	\$11 062 599.12	Jumlah	\$14 306 725.92

Sumber: 1) Pesuruhjaya Ibu Kota Kuala Lumpur: 1958-1969

2) Rancangan Malaya 1 & 2

3) Rancangan Malaysia Pertama

Melalui pemberian peruntukan ini, MPKL berjaya membangunkan beberapa kemudahan infrastruktur perniagaan dari tahun 1957 hingga 1969. Antaranya;

- i) Pada tahun 1959, RIDA mencadangkan untuk membangunkan rumah-rumah kedai untuk menempatkan peniaga-peniaga setinggian Melayu dengan anggaran kos pembinaan sebanyak \$1.98 juta (RIDA 8611/15)
- ii) membina pusat perniagaan pasar borong di Jalan Maxwell dan persimpangan Jalan Ipoh dengan kos sebanyak \$500,000 (K.L.M. 1273/57 Pt.1),
- iii) membina Emporium Penjaja Awam di Jalan Sekolah dan Jalan Raja Bot dengan kos sebanyak \$380 000 (Pesuruhjaya Ibu Kota Kuala Lumpur, 1966),
- iv) membangunkan Pusat Arked Beli-Belah dan Ibu Pejabat Majlis Amanah Rakyat (MARA) di Jalan Tunku Abdul Rahman dan mewujudkan Pusat Jualan MARA (PUSPAMARA) di Jalan Mountbatten pada tahun 1967 (Majlis Amanah Rakyat, 1967)

Seterusnya, semasa pelaksanaan DEB di Kuala Lumpur, UDA telah membelanjakan sebanyak RM500 juta untuk membangunkan beberapa projek jangka panjang seperti pusat beli belah Kompleks Pertama, Perhentian Raya, Wisma Cahaya Suria, dan lain-lain dalam tahun 1971 hingga 1973. Dalam projek jangka pendek, UDA melaksanakan usaha-usaha membantu peniaga dan usahawan Melayu berskala kecil dengan mencari bangunan dan kawasan perniagaan melalui kaedah menyewa, membeli dan membina tapak-tapak perniagaan berskala kecil dengan anggaran kos sebanyak RM20 juta (Unit Perancangan Ekonomi, 1973; GDPMM, 1973). Dalam Seminar Ekonomi Bumiputera 1973, terdapat cadangan agar badan-badan berkanun kerajaan seperti UDA menyediakan tempat dan tapak-tapak perniagaan yang strategik di Kuala Lumpur, kemudian tapak tersebut disewakan khas kepada orang Melayu-Bumiputera dengan kadar sewa tidak lebih dari 50 peratus harga pasaran atau dijual dengan harga yang berpatutan (Seminar Ekonomi Bumiputera, 1973).

3.2 Penyediaan Khidmat Latihan Perniagaan dan Modal Perniagaan

Agensi kerajaan seperti MARA memainkan peranan dalam memberikan khidmat latihan dan bantuan modal perniagaan kepada orang Melayu di Kuala Lumpur. Sejak tahun 1959, tempat-tempat latihan MARA seperti Dewan Latehan, Taman Asohan dan Pusat *Workshop* MARA telah menjalankan program-program latihan keusahawanan kepada orang Melayu di sekitar Kuala Lumpur dan Petaling Jaya (Dewan Rakyat, 23 Nov 1959; Majlis Amanah Rakyat, 1967). Pada tahun 1970 hingga 1974, MARA dengan kerjasama Pusat Daya Pengeluaran Negara (PDPN), Gabungan Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (GDPMM) dan Dewan Perniagaan Melayu Selangor (DPMS) telah menjalankan program-program latihan keusahawanan khusus untuk orang Melayu seperti program Basiswa dan Bimbingan Kerjaya yang dilaksanakan di Institut Kemahiran MARA (IKM) Kuala Lumpur, Program Pembangunan Enterpris MARA dan Kursus *Salesmanship* DPMS di mana seramai 281 orang telah mengikuti program-program tersebut (Majlis Amanah Rakyat, 1972, 1974, 1975, 1981).

Jadual 3.2: Jumlah Pinjaman Modal yang Telah Dikeluarkan oleh MARA 1965-1969

Tahun	Jumlah Pinjaman (RM)
1965	4 033 973.00
1966	2 512 480.00
1967	4 743 229.34
1968	7 867 373.00
1969	9 641 643.00
Jumlah	28 798 698.34

Sumber: Majlis Amanah Rakyat, *Laporan Tahunan 1966-69*

Selain khidmat latihan, khidmat bantuan modal untuk memulakan perniagaan turut disediakan khusus untuk orang Melayu. Berdasarkan Jadual 3.2, sejak tahun 1965, peruntukan bantuan pinjaman perniagaan telah diberikan MARA kepada usahawan-usahawan Melayu bernilai lebih RM4 juta dan semakin meningkat sehingga mencecah lebih RM 9 juta pada tahun 1969. Data ini menunjukkan kerajaan Persekutuan telah menyusun semula dasar pinjaman MARA bagi membentuk dasar pinjaman

baharu disamping tidak menjalankan usaha “*rescue operation*” bagi usahawan Melayu yang bankrap semata-mata, tetapi sebaliknya kepada dasar yang lebih membantu rancangan-rancangan pembangunan usahawan baharu yang lebih bermanfaat (Majlis Amanah Rakyat, 1966).

3.3 Menambah Baik Dasar Pemilikan Pelesenan Perniagaan

Bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi orang Melayu di Kuala Lumpur, perundangan kecil berkaitan pendaftaran lesen perniagaan majlis perbandaran telah ditambah baik bagi menangani isu kesukaran mendapatkan lesen perniagaan dan lambakan perniagaan tanpa lesen. Pihak MPKL telah melaksanakan dasar liberalisasi hak pemilikan perniagaan melalui kerjasama dengan Kementerian Perdagangan dan Perusahaan, MARA dan Agensi Komersial Melayu Kuala Lumpur bagi memudahkan proses pendaftaran bagi urusan permohonan lesen oleh usahawan-usahawan Melayu yang hendak memulakan perniagaan dan juga membantu mendapatkan tapak-tapak niaga yang strategik di sekitar Kuala Lumpur (Kementerian Perdagangan dan Perusahaan, 1957; K.L.M. 392/57; Majlis Amanah Rakyat, 1966; Pesuruhjaya Ibu Kota Kuala Lumpur, 1968).

Apabila DEB diperkenalkan, pihak MPKL perlu mengikuti dasar pemberian kuota 30 peratus dalam lesen perniagaan dan meminda Undang-Undang Kecil (UUK) (Penjaja-Penjaja) Pemandaran Kuala Lumpur pada tahun 1971 (Majlis Perbandaran Kuala Lumpur, 1971). Pelarasan yang dibuat adalah bagi mengurangkan kadar bayaran lesen dan memberi kelulusan lesen perniagaan kepada peniaga-peniaga kecil Melayu. Usaha ini dilakukan hasil daripada cadangan di peringkat Persekutuan di mana Jawatankuasa Mesyuarat Bahagian Penyelarasan Pelaksanaan dan Kemajuan Pentadbiran, Jabatan Perdana Menteri (JPM) untuk kajian semula Ordinan Pendaftaran 1956 dan memperluas tugas Bahagian Pendaftaran Perniagaan di Jabatan Hasil Dalam Negeri (Perangkaan Bumiputera dalam Bidang Perdagangan dan Perusahaan, 1973). Dalam Seminar Ekonomi Bumiputera 1973, cadangan telah diberikan kepada DBKL supaya mengadakan rundingan dengan wakil-wakil persatuan peniaga dan Dewan Perniagaan dalam menentukan had kadar lesen yang baharu (Seminar Ekonomi Bumiputera, 1973). Hasilnya, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah melaksanakan satu polisi liberal pada tahun 1974 dengan meluluskan pengeluaran lesen perniagaan kepada penjaja dan peniaga jalanan (DBKL, 1973).

4.0 Implikasi Dasar Terhadap Pembangunan Ekonomi Orang Melayu

4.1 Pertambahan Penglibatan Orang Melayu dalam Perniagaan dan Perusahaan

Dasar-dasar pembangunan ekonomi yang dilaksanakan oleh kerajaan dan MPKL telah menggalakkan orang Melayu meningkatkan taraf ekonomi dengan menceburi bidang perniagaan dan perusahaan.

Jadual 4.1: Perbezaan Jumlah Penglibatan Orang Melayu dalam Perniagaan dan Perusahaan Sebelum dan Selepas DEB Mengikut Kaum di Kuala Lumpur

Kaum / Bangsa	1957-1963	1970-1973
Melayu	101	861
Cina	9 139	7 701
India	4 196	847
Lain-Lain	-	35
Jumlah	13 436	9 444

Sumber: 1) Pesuruhjaya Ibu Kota Kuala Lumpur, Annual Report 1957-1963

2) Seminar Ekonomi Bumiputera, 4-6 April 1973

3) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Laporan Tahunan 1973

Jadual 4.1 menunjukkan berlaku peningkatan yang ketara dalam jumlah pemilikan perniagaan dalam kalangan orang Melayu dari tahun 1957-1963 ke tahun 1970-1973. Peningkatan dari 101 orang kepada 861 orang, iaitu pertambahan sebanyak 760 orang ini membuktikan usaha menambah dan memperbaiki infrastruktur ekonomi, dasar liberalisasi terhadap pemilikan lesen perniagaan, dan bantuan modal dan latihan keusahawanan ternyata membuahkan hasil yang memberangsangkan. Orang-orang Melayu berpeluang untuk memasarkan produk tempatan di kawasan-kawasan khusus

yang disediakan dan meningkatkan hasil pendapatan seperti yang berlaku di Pusat Jualan MARA (PUSPAMARA) di Jalan Mountbatten, Kuala Lumpur yang telah mencatatkan pendapatan sebanyak RM 163,955.75 dari jumlah keseluruhan seluruh negara, iaitu RM 368,806.60. Antara barangan yang dijual di pusat-pusat PUSPAMARA ini adalah kain batik, songket, barangan perak dan tembaga serta barang-barang perusahaan tangan seperti pisau dan mengkuang (Majlis Amanah Rakyat, 1967).

Selain itu, terdapat beberapa perusahaan milik orang Melayu telah dibuka untuk terlibat dalam rantaian bekalan, pasaran dan tender kontrak kerajaan hasil daripada dasar-dasar pembangunan tersebut. Antaranya adalah Syarikat Borongan SENAMA Sendirian Berhad yang ditubuhkan oleh MARA pada tahun 1969 yang berperanan dalam mengurangkan masalah kekurangan bekalan dan pasaran barangan runcit kepada pekedai-pekedai Melayu dalam 18 kawasan terpilih seperti Kampung Bharu, Kampung Dato' Keramat, Kampung Pandan Dalam, Kampung Pandan Luar, Kampung Ampang Jaya, dan kawasan-kawasan pekan-pekan berhampiran seperti Gombak, Selayang Baru, Penchala, Segambut, dan lain-lain (Majlis Amanah Rakyat, 1969). Bagi pemilikan tender kontrak, DBKL telah memberikan kontrak khusus kepada empat syarikat orang Melayu untuk kerja-kerja pembersihan bandar seperti syarikat milik Encik Zahari Haji Zabidi, syarikat milik Encik Ahmad Jailani, Syarikat Adam Sanitary Service, dan Syarikat Taman Sepakat (DBKL, 1974). Perkara ini dilakukan supaya dasar DEB dalam memenuhi kuota 30 peratus penglibatan Melayu-Bumiputera dalam pelbagai sektor ekonomi dilaksanakan dengan jayanya.

4.2 Pertambahan Kemudahan Infrastruktur Ekonomi Khusus untuk Orang Melayu

Pemberian peruntukan kerajaan kepada agensi MARA, UDA dan DBKL telah merencanakan kerja-kerja penyediaan kemudahan infrastruktur dengan membangunkan kompleks beli-belah, lot-lot kedai dan gerai, tapak-tapak perniagaan, kompleks bangunan pelbagai guna, kompleks pasar yang baharu yang diselenggara serta kemudahan utiliti di kawasan-kawasan strategik di Kuala Lumpur. Penyediaan kemudahan ini dapat menyelesaikan isu lambakan peniaga setinggian Melayu dengan memindahkan mereka ke kawasan yang lengkap dengan kemudahan utiliti. Contohnya, pada tahun 1957, pembangunan gerai-gerai di Pekan Ahad, Kampung Datuk Keramat oleh MPKL telah membantu menempatkan semula 31 orang peniaga setinggian Melayu sekitarnya (K.L.M. 358/57). Pembinaan Tapak Emporium Penjaja Awam memainkan peranan dalam menempatkan taburan peniaga Melayu di Jalan Sekolah, Kuala Lumpur dengan kapasiti 215 ruang niaga yang dilengkapi 35 buah bilik beku (K.L.M. 1273/57). Dalam pada itu, pembinaan bangunan Arked dan Pusat Jualan MARA di Jalan Mountbatten dan Jalan Tunku Abdul Rahman yang siap pada tahun 1968 menjadi tumpuan kepada usahawan-usahawan Melayu di dalam dan luar Kuala Lumpur untuk memasarkan barangan keluaran tempatan.

Selain itu, projek pembangunan infrastruktur oleh UDA yang dilaksanakan sekitar tahun 1970 hingga 1974 merangkumi projek jangka panjang dan jangka pendek. Dalam projek jangka panjang, UDA melaksanakan projek pembinaan bangunan pelbagai guna seperti projek Perhentian Raya dengan kos RM10 juta yang berfungsi menempatkan pelbagai jenis sektor perkhidmatan dan perniagaan seperti syarikat bas, gerai-gerai, hotel kelas sederhana, restoran, pasar mini, pejabat pos, bank dan ruang pejabat. Perhentian Raya juga berdekatan dengan bangunan Wisma Cahaya Suria bernilai RM 6.5 juta yang menempatkan arked beli belah, klinik pergigian kerajaan serta kemudahan untuk kegunaan pihak swasta (Majalah Puspantiaga, 1973). Bangunan-bangunan yang dibina itu akan dijual sama ada secara tunai atau ansuran, ataupun akan disewakan kepada orang Melayu-Bumiputera yang ingin menjalankan perniagaan di situ.

5.0 Kesimpulan

Sepanjang tahun 1957 hingga 1974, perkembangan ekonomi orang Melayu di Kuala Lumpur banyak dipengaruhi oleh dasar kerajaan dalam meningkatkan taraf ekonomi orang Melayu. Seminar Ekonomi Bumiputera 1965 dan 1973 telah meneliti masalah ketidakseimbangan hak pemilikan perniagaan, kekurangan infrastruktur, serta kekurangan modal dan latihan dalam kalangan orang Melayu di Kuala Lumpur khususnya dalam bidang perniagaan dan perusahaan. Permasalahan tersebut telah diambil kira oleh kerajaan dan agensi kerajaan yang bertanggungjawab melaksanakannya seperti MPKL, MARA, dan UDA yang dibantu oleh pertubuhan bukan kerajaan seperti Agensi Komersial Melayu,

GDPMM dan DPMM. Hasilnya, projek pembangunan infrastruktur ekonomi di Kuala Lumpur yang terdiri daripada pembinaan kompleks pasar awam, kompleks beli belah, lot-lot kedai dan gerai, kemudahan tapak niaga, bangunan pelbagai guna, dan sebagainya telah dibangunkan di kawasan strategik yang memberi manfaat secara terus kepada orang Melayu. Pemanfaatan penggunaan kemudahan tersebut dibantu oleh penambahbaikan terhadap pemilikan lesen perniagaan oleh MPKL terhadap orang Melayu. Pemberian kuota 30 peratus dalam DEB telah mengubah dasar pelesenan DBKL ke arah yang lebih liberal untuk orang Melayu. Tambahan pula, bantuan modal dan latihan perniagaan turut diberikan kepada orang Melayu dengan usaha sama agensi MARA, PDPN, Bank Bumiputera, GDPMM, dan DPMS menjadi semakin giat selepas DEB dalam meningkatkan penglibatan orang Melayu dalam perniagaan dan perusahaan. Oleh itu, pertambahan jumlah penglibatan orang Melayu dalam perniagaan dan perusahaan sebelum dan selepas DEB diperkenalkan menunjukkan peningkatan yang ketara malah orang Melayu turut diberi peluang lebih meluas dalam rantai bekalan dan pasaran supaya dapat meningkatkan keupayaan orang Melayu untuk bersaing dengan kaum-kaum lain dalam ekonomi di kawasan bandar.

Penghargaan

Penghargaan diberikan kepada seorang pensyarah kanan Program Sejarah di Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa (SPHEA), Universiti Kebangsaan Malaysia kerana telah menyumbangkan idea dan hujahan yang bernas berdasarkan data-data yang dikumpulkan daripada Arkib Negara Malaysia dan Perpustakaan Pendeta Zaba, Universiti Malaya.

Rujukan

- 0.9809 PT.3. (n.d.). *Perangkaan Bumiputera dalam Bidang Perdagangan dan Perusahaan. JPN Rahsia 40000/67 Jld II. Memorandum daripada Perdana Menteri.*
- Beaglehole, J. (1969). Malay Participation in Commerce and Industry: The Role of RIDA and MARA., *Journal of Commonwealth Political Studies*, pg. 216 – 245.
- Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. (n.d.). *Laporan Tahunan 1973.*
- Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. (n.d.). *Laporan Tahunan 1974.*
- Dewan Rakyat. (1960). *Parliamentary Debates Official Report vol. 1 no.3, 23th November 1959.* Kuala Lumpur.
- GDPMM. (1973). *Suara Gabungan Bil. 1, Jil. 1.*
- Government of Malaysia. (1967). *First Malaysia Plan 1966-1970.* Kuala Lumpur: The Government Press.
- K. L. M. 1273/57 Pt.1. (n.d.). *Re-development of Wholesale Market Site, Jalan Skola, Kuala Lumpur, (ii) Wholesale Market at Jalan Maxwell / Ipoh Road.*
- K. L. M. 358/57. (n.d.). *Allocation of Shop Stalls – Kampong Dato Keramat.*
- K. L. M. 392/57. (n.d.). *Application for Meat Stall. Malay Commercial Agencies.*
- Kementerian Perdagangan dan Perusahaan. (2 Ogos 1957). *Surat R. Khalid kepada Setiausaha Majlis Perbandaran Kuala Lumpur. C. & I. (T) 0.1057:5.*
- Majalah Puspantiaga Bil. 1, J. 1. (Ogos 1973).
- Majlis Amanah Rakyat. (n.d.). *Laporan Tahunan MARA 1965.* Kuala Lumpur: Ibu Pejabat MARA.
- Majlis Amanah Rakyat. (n.d.). *Laporan Tahunan MARA 1966.* Kuala Lumpur: Ibu Pejabat MARA.
- Majlis Amanah Rakyat. (n.d.). *Laporan Tahunan MARA 1967.* Kuala Lumpur: Ibu Pejabat MARA.
- Majlis Amanah Rakyat. (n.d.). *Laporan Tahunan MARA 1968.* Kuala Lumpur: Ibu Pejabat MARA.
- Majlis Amanah Rakyat. (n.d.). *Laporan Tahunan MARA 1969.* Kuala Lumpur: Ibu Pejabat MARA.
- Majlis Amanah Rakyat. (n.d.). *Laporan Tahunan MARA 1972.* Kuala Lumpur: Ibu Pejabat MARA.
- Majlis Amanah Rakyat. (n.d.). *Laporan Tahunan MARA 1974.* Kuala Lumpur: Ibu Pejabat MARA.
- Majlis Perbandaran Kuala Lumpur. (1971). *P.U. (A) 49 dan P.U. (A) 195, Undang-Undang Kecil Perbandaran Kuala Lumpur (Penjaja) Pindaan (No.2) 1971.* Bahagian Urusetia Perbandaran Majlis Perbandaran Kuala Lumpur.

- Muhammad Irfan bin Izhar. (2019). *Perkembangan Ekonomi Orang Melayu di Kuala Lumpur pada Tahun 1957-1974*. Bangi: Pusat Dasar dan Governans Global, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Pesurohjaya Ibu Kota Kuala Lumpur. (n.d.). *Annual Report 1958*.
- Pesurohjaya Ibu Kota Kuala Lumpur. (n.d.). *Annual Report 1959*.
- Pesurohjaya Ibu Kota Kuala Lumpur. (n.d.). *Annual Report 1960*.
- Pesurohjaya Ibu Kota Kuala Lumpur. (n.d.). *Annual Report 1961*.
- Pesurohjaya Ibu Kota Kuala Lumpur. (n.d.). *Annual Report 1962*.
- Pesurohjaya Ibu Kota Kuala Lumpur. (n.d.). *Annual Report 1963*.
- Pesurohjaya Ibu Kota Kuala Lumpur. (n.d.). *Annual Report 1964*.
- Pesurohjaya Ibu Kota Kuala Lumpur. (n.d.). *Annual Report 1965*.
- Pesurohjaya Ibu Kota Kuala Lumpur. (n.d.). *Annual Report 1966*.
- Pesurohjaya Ibu Kota Kuala Lumpur. (n.d.). *Annual Report 1967*.
- Pesurohjaya Ibu Kota Kuala Lumpur. (n.d.). *Annual Report 1968*.
- Pesurohjaya Ibu Kota Kuala Lumpur. (n.d.). *Annual Report 1969*.
- RIDA 8611/15. (1959). *Lembaga Kemajuan Kampong dan Perusahaan*.
- Seminar Ekonomi Bumiputera. (1973). *Perbincangan dan Resolusi Bengkel "I" (Bengkel: Perniagaan Kecil), 5 April 1973*. Kuala Lumpur: Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya.
- Unit Perancang Ekonomi. (1973). *Kajian Semula Rancangan Malaysia Kedua 1971-1975*. Kuala Lumpur: Jabatan Pencetakan Kerajaan.